



**PLAN Malaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

KENYATAAN TAWARAN TENDER TERBUKA

1. Pelawaan ini adalah terbuka kepada firma perunding perancangan bandar dan wilayah yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang **330206** untuk mengambil bahagian di dalam pelawaan berikut :-

Bil.	No. Tender/ Nama Projek	Kod Bidang	Tarikh, Tempat & Masa Tutup	Syarat Utama Pelawaan
1.	JPBD(IP)S 185/646/1-121 Pelan Pengurusan Pembangunan Persisir Pantai Padang Mat Sirat – Ayer Hangat, Langkawi Kedah	330206 (Perancangan Bandar dan Wilayah)	20 Januari 2020 (Isnin) Jam 12.00 tengah hari Aras 1, Blok F5, Parcel F, Presint 1, 62675 Putrajaya	1. Berdaftar dengan Kementerian Kewangan (MOF) 2. Berdaftar di bawah Kod 330206 (Perancangan Bandar dan Wilayah) 3. Berdaftar dengan Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM) 4. Tempoh pendaftaran Kementerian Kewangan dan LPBM masih sah laku

2. Syarat-syarat, Arahan dan Maklumat lanjut mengenai pelawaan ini adalah dijelaskan di dalam Dokumen Pelawaan dan boleh didapati daripada kaunter di **Seksyen Kewangan, Aras 1, Blok Tanjung, PLAN Malaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa), Jalan Cenderasari, 50646 Kuala Lumpur** bermula pada **23 Disember 2019 (Isnin)** hingga **20 Januari 2020 (Isnin)**.

WAKTU OPERASI JUALAN DOKUMEN TENDER :

Isnin - Khamis : 9.00 pagi hingga 1.00 petang

Jumaat : 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari

Sabtu/ Ahad/ Cuti Am/ Cuti Umum : TUTUP

*** TIADA URUSNIAGA DILAKSANAKAN SELEPAS WAKTU OPERASI DI ATAS BAGI TUJUAN URUSAN PERBANKAN. OPERASI JUALAN DOKUMEN TENDER AKAN TUTUP PADA 30-31 DISEMBER 2019 DAN MULA BEROPERASI SEPERTI BIASA PADA 2 JANUARI 2020**

3. Dokumen Pelawaan adalah dijual dengan kadar **RM50.00** bagi setiap satu (1) set.

4. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berasingan yang berlakri dan ditandakan "Cadangan Teknikal" dan "Cadangan Kos" di bahagian atas sebelah kiri setiap sampul surat berkenaan dan dialamatkan kepada :

**Ketua Pengarah
PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)
Aras 1, Blok F5, Parcel F, Presint 1, 62675 Putrajaya**

5. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Pelawaan Tender Terbuka di Seksyen Kewangan PLANMalaysia seperti alamat di atas **tidak lewat daripada jam 12.00 tengah hari pada 20 Januari 2020 (Isnin)**. Dokumen Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.
6. Firma perunding yang berminat adalah dijemput hadir ke sesi taklimat yang akan diadakan seperti ketetapan berikut :

Tarikh : 09 Januari 2020 (Khamis)
Masa : 10.00 pagi
**Tempat : Bilik Mesyuarat Tingkat 20,
Wisma Tun Sambanthan
Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur.**